

KED Renungan

HARAPAN PERCAYA, HIDUP dan MEMBERI

SELURUH BUMI Mewartakan Tuhan.

ACARA:

Hari Penjagaan Penciptaan Sedunia

TREN MEDIA SOSIAL:
#careforcreation

PENGENALAN:

Tahun ini kita merenungkan dengan tema HARAPAN: Percaya, Hidup & Memberi. Empat bulan terakhir ini, kita akan memberi tumpuan kepada 'Memberi Harapan' kepada orang lain. Bulan ini, tema kita adalah "Seluruh Bumi Mewartakan Tuhan". Setiap tahun, terutama sejak penerbitan Ensiklikal *Laudato Si* pada tahun 2015, hari pertama bulan September disambut oleh Gereja sebagai "Hari Doa Sedunia untuk Penjagaan Penciptaan" dan permulaan Musim Penciptaan, yang berakhir pada pesta Santo Francis dari Assisi pada 4 Oktober. Dalam tempoh ini, orang-orang Kristian di seluruh dunia memperbaharui iman mereka kepada Allah ciptaan dan bergabung dalam doa dan bekerja untuk menjaga rumah bersama kita.



DOA PENUTUP:

Jemput seorang anggota KED untuk memimpin doa penutup

LAGU PENUTUP:

Beritakan

1. Mari kawan-kawan kita pergi bersama Ke s'loruh dunia menyampaikan berita Bahwa Allah mengasihi seluruh dunia Dan menyediakan kita kehidupan kekal
2. Sambutlah temanku damai yang t'lah ku t'rima Harap pada Tuhan di mana pun kau ada Keserukan dalam dunia ku mau orang tahu Tuhan datang di hatiku ingin ku sampaikan
3. Ingatlah janjiNya Ia menyertai kita Sehati majulah dan khabarkan InjilNya Bah'wa hanya dalam Kristus ada pengampunan Yang percaya kepadaNya tak akan binasa Bah'wa hanya dalam Kristus ada pengampunan Yang percaya kepadaNya tak akan binasa



DOA PEMBUKAAN:

*Jemput seorang anggota
KED untuk memimpin doa*

LAGU PEMBUKAAN:

Terpujilah Allah

1.
Terpujilah Allah hikmatnya besar
Begitu kasihnya 'tuk dunia cemar
Sehingga dib'rilah Putranya kudus
Mengangkat manusia serta
menebus

Kor:
***Pujilah, pujilah, buatlah dunia
Bergemar, bergemar mendengar
suaranya
Dapatkanlah Allah demi
Putranya
Terpujilah Dia besar kuasanya***

2.
Tiada terukur besar hikmatnya
Penuhlah hatiku sebab anaknya
Dan amatlah k'lak hati kita senang
Melihat sang Kristus di syurga
cerlang

DIALOG:

Mesej dari Paus Fransiskus, 2020.

Kita tidak dapat hidup selaras dengan penciptaan jika kita tidak berdamai dengan Pencipta yang menjadi sumber dan asal semua perkara. Seperti yang diperhatikan oleh Paus Benediktus XVI, "penggunaan ciptaan yang kejam bermula di mana Allah hilang, di mana materi telah menjadi semata-mata material bagi kita, di mana kita sendiri adalah ukuran utama, di mana semuanya hanyalah milik kita" (*Pertemuan dengan para Paderi, Diakon, dan Seminarian Keuskupan Bolzano-Bressanone*, 6 Ogos 2008).

Khususnya semasa Musim Penciptaan ini, semoga kita memperhatikan irama dunia yang diciptakan ini. Kerana dunia diciptakan untuk menyampaikan kemuliaan Allah, untuk menolong kita menemui keindahannya Tuhan bagi semua, dan kembali kepada-Nya (rujuk SANTO BONAVENTURE, *In II Sent.*, I, 2, 2, q. 1), kesimpulan; *Breviloquium*, II, 5.11). Bumi dari mana kita dibuat adalah tempat berdoa dan bermeditasi. "Marilah kita membangkitkan rasa estetik dan kontemplatif yang diberikan oleh Allah kita" (*Querida Amazonia*, 56).



Kongsikan pendapat dengan para anggota KED anda.

- Bagi anda dan bagi Gereja hari ini, apa maksud petikan di atas?
- Kongsikan antara satu sama lain.

PENDALAMAN:

Roma 8:18-21

Sebab aku yakin, bahawa penderitaan zaman sekarang ini tidak dapat dibandingkan dengan kemuliaan yang akan dinyatakan kepada kita. Sebab dengan sangat rindu seluruh makhluk menantikan saat anak-anak Allah dinyatakan. Kerana seluruh makhluk telah ditaklukkan kepada kesia-siaan, bukan oleh kehendaknya sendiri, tetapi oleh kehendak Dia, yang telah menaklukkannya, tetapi dalam pengharapan, kerana makhluk itu sendiri juga akan dimerdekakan dari perbudakan kebinasaan dan masuk ke dalam kemerdekaan kemuliaan anak-anak Allah.

RENUNGAN PERIBADI:

- BACA teks di atas dengan suara kedengaran dan DENGAR dengan keterbukaan.
- BACA teks sekali lagi dalam suasana hening secara peribadi sehingga satu perkataan atau frasa menyentuh atau menarik perhatian anda.
- TANYA: Apakah Roh Kudus ingin katakan kepada saya di dalam hati menerusi perkataan atau frasa ini?

KONGSIKAN:

- KONGSI dalam kumpulan kecil (3-4 orang) perkataan atau frasa yang menyentuh anda dan apa yang anda fikir Tuhan ingin katakan kepada anda secara peribadi.

TINDAKAN:

- Bincangkan bagaimana kita sebagai individu, keluarga dan KED dapat melakukan sesuatu yang praktikal untuk memberi harapan kepada oranglain dan menjaga ciptaan.